

07/05/2003

Wartawan The Economist tidak selidik fakta rencana

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Wartawan majalah The Economist mengaku tidak tahu menahu Malaysia sudah memansuhkan sistem kuota berdasarkan kaum bagi kemasukan pelajar ke universiti tempatan.

Penulis rencana khas A Survey of Malaysia dalam The Economist keluaran 5-11 April itu, Christopher Lockwood, berkata beliau tidak pernah mendengar mengenai pemansuhan itu.

"Adakah ini benar? Dan adakah sistem tiada kuota itu sudah dikuatkuasakan atau semata-mata masih dirancang?" tanya Lockwood yang jelas tidak membuat penyelidikan mendalam sebelum membuat laporan mengenai isu terbabit.

Beliau yang juga Editor Asia untuk majalah yang beribu pejabat di London

itu berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan Berita Harian sama ada The Economist mengaku terdapat beberapa kesilapan dalam laporan itu yang dikecam pelbagai pihak terutama pemimpin negara baru-baru ini.

Lockwood dalam jawapan menerusi e-melnya kepada Berita Harian semalam mengesahkan sudah menerima surat aduan daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bagi meminta penjelasan untuk memperbetulkan beberapa kesilapan fakta dalam laporan itu.

"Editor saya kini sedang menimbang apa yang perlu dilakukan dengan surat itu, jadi saya tidak dapat memberitahu anda apa keputusan seterusnya setakat ini," katanya.

Beliau tidak menyatakan apakah kesilapan lain dalam laporannya itu tetapi bertanya mengenai sistem kuota itu.

"MTEN menyatakan saya silap untuk melaporkan bahawa di Malaysia terdapat kuota berdasarkan kaum di universiti. Ia (MTEN) menyebut kuota ini dimansuhkan pada 2001," katanya yang jelas keliru mengenai isu itu.

Laporan sebuah akhbar tempatan semalam menyebut MTEN memberi tempoh sehingga minggu kedua bulan ini kepada The Economist menyiarkan senarai kesilapan fakta dan penjelasan kerajaan Malaysia berhubung laporan majalah terbabit.

Ia memetik sumber sebagai berkata surat setebal tiga muka surat itu dihantar melalui faksimili Jumaat lalu dengan menyenaraikan 13 kesilapan fakta bersama penjelasan satu persatu oleh kerajaan Malaysia.

MTEN dikatakan enggan mendedahkan butiran lanjut mengenai senarai kesilapan itu.

Pemilihan pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tahun lalu dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya, bukan sistem kuota mengikut kaum seperti diamalkan sebelum ini.

Mengikut sistem kuota sebelum ini, sebanyak 55 peratus tempat di IPTA dikhususkan untuk Bumiputera manakala 45 peratus lagi bukan Bumiputera. The Economist dalam laporan itu masih menyebut angka mengenai sistem

kuota
yang sudah dimansuhkan itu.

Dalam e-mel jawapan kepada pertanyaan Berita Harian baru-baru ini, majalah itu bertegas tidak akan memohon maaf seperti dituntut pemimpin Malaysia berikutan laporannya memperkecilkan sumbangan dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berikutan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Pengarah Eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed untuk menangkis beberapa hujah tidak tepat yang disiarkan dalam rencana berkenaan.

The Economist dalam laporan itu antara lain juga membuat rumusan bahawa Dr Mahathir mungkin boleh ditakrifkan sebagai gagal kerana impian beliau menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti dihasratkan melalui Wawasan 2020 menjelang tahun 2020, amat sukar dicapai.

Majalah itu bukan saja memperkecilkan keupayaan Dr Mahathir yang dianggapnya sebagai seorang diktator, malah memandang rendah corak kepemimpinan penggantinya, Abdullah.

Selain itu, The Economist memberi gambaran betapa Menara Berkembar Petronas kelihatan berdiri megah, membayangkan sebuah negara kaya, tetapi bukan sebuah negara maju dengan pendapatan perkapita cuma AS\$4,000 seorang.